

Headline	<b>Berkerusi roda tidak halang bapa rai kejayaan anak</b>
Date	<b>18. Mar 2008</b>
Media Title	<b>Utusan Malaysia</b>
Section	<b>Dlm Negeri</b>
Circulation	<b>238082</b>
Readership	<b>833287</b>
Language	<b>MALAY</b>
Page No	<b>16</b>
Article Size	<b>241 cm<sup>2</sup></b>
Frequency	<b>Daily</b>
Color	<b>Full Color</b>



NG Chong Seng berkerusi roda sanggup hadir pada majlis konvokesyen anaknya, Ng Lee Chia di UUM Sintok, semalam.

## Berkerusi roda tidak halang bapa rai kejayaan anak

ALOR STAR 17 Mac - Kasih seorang bapa ternyata tiada tandingan apabila sanggup meraikan kejayaan anak yang dikasihinya walaupun dalam keadaan kurang upaya akibat kemalangan.

Ng Chong Seng, 78, menunggu dengan penuh sabar selama empat jam untuk melihat anak perempuannya, Ng Lee Chia menerima Ijazah Sarjana Muda

Kewangan dengan Kepujian pada Majlis Konvokesyen Ke-21 Universiti Utara Malaysia (UUM) di sini hari ini.

Dia yang ditemani anak lelaki, isteri dan ibunya, dilihat hanya duduk di atas kerusi roda dalam dewan konvokesyen semata-mata untuk melihat sendiri anak perempuan nya mendapat segulung ijazah.

"Sebelum ini, saya juga menyertai keluarga melihat dua kakak Lee Chia yang menuntut di Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Sains Malaysia (USM) menerima ijazah mereka," katanya.

Menurutnya, sebagai bapa, dia sanggup melakukan apa sahaja untuk bersama-sama ahli keluarga lain meraikan kejayaan anak-anaknya.

Walaupun tidak dapat berjalan seperti orang lain, Chong Seng tidak menjadikannya penghalang untuk turut serta pada hari bersejarah itu.

Dia yang tidak dapat berjalan sejak enam tahun lalu akibat kemalangan jalan raya di Bukit Tambun, Pulau Pinang, bersusah payah hadir ke majlis itu demi meraikan kejayaan anaknya.

"Tiada yang paling berharga bagi seorang bapa apabila dapat melihat anak-anak berjaya menerima ijazah dan memperoleh pekerjaan yang baik demi masa depan mereka," ujarnya.